

LAPORAN TAHUNAN  
**2019**

**SEKATARAKYAT**

KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD



# GROW YOUR BUSINESS WITH US

We will help your business to grow and reach new heights of success at every step of your journey. Discover our financing solutions that fit your business needs.

## Business Premises Financing

- New purchase
- Refinancing
- Investment

## Procurement & Contract Financing-i

- Financing of viable contract
- Working capital

## SME Financing Programme

- Working capital
- Business expansion
- Asset acquisition

## Bridging Financing

- Residential
- Commercial property

## Working Capital Financing

- Trade facility
- Business Cash Line-i
- Bank of Guarantee-i

## Vendor Financing Programme

- Financing of contract from Petronas
- Working capital

**BANK ISLAM**

Assuring Trust. Delivering Value.

603 26 900 900 ▪ [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)  
[facebook.com/bankislam](https://facebook.com/bankislam)

Bank Islam Malaysia Berhad (98127- X)



# SEKATARAKYAT

## **IBU PEJABAT**

### **KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD**

**Bil Pendaftaran : 4958**

**Tarikh Pendaftaran : 23 September 1974**

Tingkat 2A, Menara 2, Menara Kembar Bank Rakyat  
No. 33, Jalan Rakyat, KL Sentral, 50470 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-2273314 / 3315 / 3609 No. Faksimili : 03-22741314

## **PREMIS PERNIAGAAN LAIN**

### **KAFETERIA SEKATARAKYAT**

Tingkat Bawah,  
Bangunan Bank Rakyat,  
Jalan Tangsi,  
50460 Kuala Lumpur.

### **AR RAHNU X'CHANGE PETALING JAYA**

No.23, Jalan Othman,  
46000 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel :03-77814878 Faks : 03-77815878

### **MEDAN SELERA & KEDAI SERBANEKA SEKATARAKYAT**

Tingkat 5, Menara 1,  
Menara Kembar Bank Rakyat,  
No. 33, Jalan Rakyat,  
50470 Kuala Lumpur.

### **AR RAHNU X'CHANGE SG BESI**

28-G Jalan Tasik Utama 5,  
Medan Niaga Tasik Damai,  
Sungai Besi,  
57000 Kuala Lumpur.  
Tel : 03-90548760 Faks : 03-90548745

**AR-RAHNU X'CHANGE TAMAN SELASEH**

No. 15, Jalan PPS 1,  
Pusat Perdagangan Selaseh,  
68100 Batu Caves, Selangor.  
Tel : 03-61785586 Faks : 03-61785686

**AR-RAHNU X'CHANGE KOTA KEMUNING**

No. 32, Jalan Anggerik R 31/R  
Kota Kemuning, 40460 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5525 0586 Faks : 03-5525 5386

**AR-RAHNU X'CHANGE HULU LANGAT**

No. 40 Jalan Seri Mas,  
Taman Seri Mas,  
43100 Hulu Langat, Selangor  
Tel : 03-90215986 Faks: 03-90214986

**AR-RAHNU X'CHANGE DENGKIL**

Tingkat Bawah, No.18, Jalan Bintang Mas  
Taman Bintang Mas, 43800 Dengkil  
Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-87601000 Faks : 03-87601100

**AR-RAHNU X'CHANGE BANDAR KINRARA**

ZP-G-17, Zest Point  
Lebuhraya Bukit Jalil, BK9 Bandar Kinrara,  
47180 Puchong, Selangor  
Tel : 03-80801586 Faks: 03-80806586

**TASKA NURI**

Tingkat 2A, Menara 2,  
Menara Kembar Bank Rakyat,  
No. 33, Jalan Rakyat,  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2276 0951

**AR-RAHNU X'CHANGE SEREMBAN 2**

No. 27G, S2 B17  
Biz Avenue, Seremban 2  
70300 Seremban, Negeri Sembilan  
Tel : 06-601 5986 Faks : 06-601 1286

**SEKATA APARTMENT**

The Camelia Orchid Deluxe Park,  
Jalan ODP 2, Orchid Deluxe Park,  
Ringlet,  
39200, Cameron Highlands, Pahang  
Tel : 05- 495 6119

# PERUTUSAN Pengerusi Eksekutif

## SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh / Salam Berkoperasi,*

Tahun 2019 telah melabuhkan tirainya, kini tahun 2020 muncul dengan semangat dan azam yang baharu buat Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad atau lebih dikenali sebagai Sekatarakyat.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah sebuah Agensi yang diberi mandat oleh pihak Kerajaan untuk mengawalselia dan membangunkan sektor koperasi Malaysia. Agenda memperkasakan dan melaksanakan transformasi sektor koperasi terus dilaksanakan seiring dengan aspirasi Kerajaan.

SKM telah merangka pelbagai strategi dan pelan tindakan yang lebih agresif supaya sektor koperasi dapat memberi impak yang signifikan kepada ekonomi negara seperti pewujudan peluang pekerjaan baharu, peningkatan perolehan serta peralihan kluster koperasi iaitu daripada kluster mikro kepada kecil, kecil kepada sederhana dan sederhana kepada besar yang lebih berdaya maju dalam pelbagai sektor.

Justeru itu, bagi membolehkan koperasi menjadi penyumbang berkesan, ia perlu bergerak selari dengan kehendak pasaran, bersaing bagi menjana pendapatan dan memberi perkhidmatan terbaik dengan mengamalkan prinsip-prinsip koperasi secara konsisten. Penglibatan koperasi dalam pelbagai aktiviti ekonomi telah merubah lanskap aktiviti koperasi daripada tradisional kepada moden dan berimpak tinggi sejajar dengan perkembangan teknologi serta gaya hidup semasa masyarakat.

Sebagai Pengerusi Eksekutif SKM, saya amat bersyukur kerana Sekatarakyat telah berjaya memikul amanah dan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan berintegriti dalam usaha membawa koperasi ke tahap tadbir urus yang berkesan dan telus bagi menjamin kelestarian sektor koperasi serta diyakini oleh setiap lapisan masyarakat.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Sekatarakyat yang berjaya melaksanakan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-24 di samping telah mencapai usia ke-46 tahun pada tahun ini. Saya yakin dan percaya bahawa kemajuan dan kejayaan Sekatarakyat adalah hasil daripada kerjasama erat antara barisan Lembaga Pengarah, Pengurusan serta anggota-anggota koperasi. Koperasi juga telah menggunakan peluang yang ada untuk memperbaiki segala kelemahan di samping berusaha membawa kejayaan yang diharapkan.

Akhir kata, marilah kita sama-sama mendoakan semoga Sekatarakyat dan gerakan koperasi akan terus cemerlang dan diharapkan semoga Sekatarakyat dapat mengekalkan kejayaan dan disegani pada masa akan datang.

Selamat Maju Jaya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Nordin Bin Salleh'.

**DATUK NORDIN BIN SALLEH**  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

# PERUTUSAN PENERUSI

## BANK RAKYAT



*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh / Salam Sejahtera,*

**A**lhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya dapat saya memberikan coretan buat kali kedua dalam ruangan ini sempena Mesyuarat Agung Perwakilan (MAP) Kali Ke-24 Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat).

Saban tahun saya dapati, Sekatarakyat telah berjaya menunjukkan prestasi yang cemerlang. Ia dapat dibuktikan apabila Suruhajaya Koperasi Malaysia (SKM) menyenaraikan Sekatarakyat pada kedudukan ke-12 dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia. Ini menggambarkan kekukuhan pentadbiran yang ditunjukkan oleh barisan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Sekatarakyat yang saling bekerjasama dan berganding bahu dengan memberikan komitmen yang tinggi dalam menerajui koperasi ini. Namun begitu, sokongan serta kerjasama yang jitu oleh semua anggota, perlu dihargai bagi memastikan kejayaan ini akan terus dinikmati secara berterusan.

Menerusi perancangan yang strategik dan dinamik, saya yakin Sekatarakyat akan dapat menceburi bidang perniagaan yang berdaya saing dan menguntungkan dengan sokongan pentadbiran yang efektif dan efisien. Elemen ini penting agar kepercayaan anggota terhadap Sekatarakyat terus ditingkatkan.

Dengan suasana yang lebih kompetitif dan mencabar pada ketika ini, pulangan yang tinggi bukannya penanda aras tanda kejayaan Sekatarakyat, tetapi kekukuhan kewangan Koperasi dititikberatkan agar Sekatarakyat terus mengembangkan sayap perniagaannya dengan lebih berjaya di masa hadapan.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Sekatarakyat atas komitmen tinggi yang ditunjukkan dalam menggalas tanggungjawab dan amanah anggota serta terus kekal cemerlang, In Shaa Allah.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

**DATUK NORIPAH KAMSO**  
PENERUSI  
BANK RAKYAT

# PERUTUSAN PENERUSI

## KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD



*Bismillahirrahmanirrahim*

*Assalamualaikum Warahmatulilahi Wabarakatuh / Salam Sejahtera,*

**S**egala Pujian bagi Allah S.W.T dan Salam Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Terlebih dahulu, saya mengalu-alukan kedatangan semua Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (Sekatarakyat) Kali Ke-24. Kedatangan semua perwakilan dari seluruh negara menunjukkan sikap tanggungjawab perwakilan atas amanah yang telah diterima daripada anggota-anggota kawasan masing-masing.

Marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran atas limpah kurnia Allah S.W.T bagi kejayaan yang telah dikecapi oleh Sekatarakyat di sepanjang tahun 2019 dan yang sebelumnya. Saya mengucapkan tahniah kepada barisan Lembaga Pengarah, Anggota-Anggota Jawatankuasa Audit Dalaman, Anggota-Anggota Jawatankuasa Syariah, Para Perwakilan dan tidak lupa juga kepada Pengurusan Sekatarakyat atas sumbangan cemerlang yang diberikan.

Bagi memelihara kepentingan dan kebajikan semua Anggota, Sekatarakyat akan terus berusaha mempertingkatkan kemudahan dan perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang di masa hadapan selaras dengan matlamat Sekatarakyat iaitu "*meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip koperasi*".

Justeru, saya bertekad dan menyeru semua warga Sekatarakyat untuk terus menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan amanah dan berintegriti dengan meletakkan kepentingan anggota-anggota melebihi kepentingan peribadi.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan. Saya berdoa semoga mesyuarat ini berjalan dengan penuh tertib dan teratur serta mendapat barakah dari Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.



**DATUK MOHAMED ARSAD SEHAN**  
PENERUSI  
KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

# KOPERASI KAKITANGAN BANK RAKYAT BERHAD

## ORGANISASI SEKATARAKYAT

### AHLI LEMBAGA PENGARAH



**Datuk Mohamed Arsad Sehan**  
Pengerusi



**Hasrul Liza Shah Rudin**  
Setiasaha Kehormat



**Mohd Salleh Mahmood**  
Bendahari Kehormat



**Dato' Shaharudin  
Mohd Sa'ad**



**Abdul Lidzam  
Muhamad Alias**



**Azlan Alias**



**Suhaimi Che Omar**



**Saliman Zainal**



**Mohamad Thuairi Mohamad  
Tayeb**

# JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN



**Mohamad Sabri Mohamed Nor**  
Pengerusi



**Ismarazi Ismail**



**Roskhan Abdul Shukur**

# PENGURUSAN & WARGA KERJA

## IBU PEJABAT



### Duduk Dari Kiri :

Saidatul Ain Ab Talib, Nor Elina Ab Ghani (Pengurus), Ahmad Rozaman Mohd Yusoff (Pengurus Besar), Siti Nur Syazleen Shamshul Nizam, Nur Hazwani Hamzah, Nur Zulaika Hasnan, Nurul Azalina Zukifli.

### Tengah Dari Kiri :

Muhammad Khairul Azhar Mohd Azmi, Nurul Azreen Zaini, Fatin Nabilah Ramli, Farah Athirah Shamdin, Farah Izatti Md Nasir, Nur Aqilah Aziz, Nurul Liana Afikah Abdul Rahim, Noor Amirah Ja'afar, Marshiela Mahzair, Nornazeha Salihen

### Belakang Dari Kiri :

Muhammad Alif N Wisam, Muhamad Nazif Mat Naw, Mohammad Faizul Md Yunus, Muhammad Haziq Hafuza Suffian, Ahmad Fu'ad Kamarulzaman, Aisamuddin Mohd Isa, Shahifudin Saufi, Che Faizlullah Che Mezam, Muhammad Firdaus Md Nasir, Muhamad Sufri Anuar, Mohd Hafiz Bukhari

### Tiada Dalam Gambar :

Mohd Shahrulizan Supardi, Muhammad Al Hafiz Mohamad Nor

## AR RAHNU X'CHANGE JALAN OTHMAN



Dari Kiri : Nur Nabila Aima Mohd Rodzi, Nurulhazmira Azmi, Rasidah Hussin, Noor Haslinda Jusoh

## AR RAHNU X'CHANGE SUNGAI BESI



Dari Kiri : Muhamad Nukman Mahmood, Nor Azlan Ismail, Nur Syafiqah Mohd Zainuddin

## AR RAHNU X'CHANGE TAMAN SELASEH



Dari Kiri : Syeikh Syamsul Daniel Shaik Nawawi, Nurul Syakila Yahya, Mohd Asri Mahazir

## AR RAHNU X'CHANGE HULU LANGAT



Dari Kiri : Mohamad Shakim Shaari, Muhammad Hazreen Bin Akhiruddin, Nuruljannah Misti

## AR RAHNU X'CHANGE BANDAR KINRARA



Dari Kiri : Muhammad Amin Ibrahim, Suriani Zainal, Nurul Adleen Abdul Halim

## AR RAHNU X'CHANGE SEREMBAN 2



Dari Kiri : Siti Azizah Bunasan, Muhammad Thaqif Nazly, Muhammad Azzamudien Mat Nazan, Noor Azira Alias

## AR RAHNU X'CHANGE KOTA KEMUNING



Dari Kiri : Mohamad Asri Jefridin Mohd Anuar, Khairunnisa Zulkifle, Muhammad Syafiq Norazman

## AR RAHNU X'CHANGE DENGKIL



Dari Kiri : Muhammad Fakrur Razi, Muhammad Amir 'Izzat Rosli, Ahmad Aizuddin Jiss Wira, Nursyafiq Saiful

## KAFETERIA JALAN TANGSI



Depan Dari Kiri : Linasari Bandaro, Norliza Shahuaruddin, Maya Munijo, Nur Nadhirah Zulkifli, Nur Aqilah Aziz, Umi Astutik Afandi, Nabilah Nisman, Nor Ainn Zainal Abidin

Belakang Dari Kiri : Othman Desa, Muhammad Faris Ahmad, Mohd Hafiz Mohd Junaidishah, Ahmad Ffareez Abdul Radzak

## MEDAN SELERA MENARA KEMBAR BANK RAKYAT



Dari Kiri : Faridah Mansor, Marsiah Mastuki, Musrifah Mostar, Nur Nadhirah Zulkifli, Nur Aqilah Aziz, Ahmad Ffareez Abdul Radzak, Imas Ojang, Ruggayah Hannan, Rohayati Ojang, Ernawati Abdullah

## KEDAI SERBANEKA MENARA KEMBAR BANK RAKYAT



Duduk : Nur Aqilah Aziz

Berdiri Dari Kiri : Nur Nadhirah Zulkifli, Ahmad Ffareez Abdul Radzak, Siti Salmah Taib

Tiada Dalam Gambar : Nur Hafiszah Zainal Abidin

## TASKA NURI



Duduk Dari Kiri : Nurul Safiah Adibah Suhaimi, Nur Azira Binti Yusoff (Penyelia)

Berdiri Dari Kiri : Nurul Ainatul Najmin Muhamad, Nuramirah Mohd asnawi, Nurfarahi Hazali, Nor Nabila Hasbullah, Nur Afiera Abd Aziz, Nor Amirah Noor, Nur Hafizah Muhyudeen, Nur Aliah Md Sariff, Nur Hazmiera Abu Samat, Azizah Aziz, Siti Rosliza Mukhtar, Syazwani Hamdan, Norafira Kasmury, Nurul Nazmi Mohd Kahar, Nur Fatin Nadia Ismail

## SEKATA APARTMENT



Duduk : Muhammad Ridzuan Abdul Latif (Penyelia)

Berdiri Belakang Dari Kiri : Vijajakumari A/P Kandasamy, Mohd Azarul Abdullah dan Saraswathy A/P Perumal.

Berdiri Depan Dari Kiri : Faiezul Idris dan Ahmad Sharieffudin Ahmad Damahuri

# KALENDER AKTIVITI / MAJLIS SEPANJANG TAHUN 2019

Pelbagai aktiviti dan majlis telah diadakan sepanjang tahun 2019 sama ada sebahagian tradisi tahunan atau kebertanggungjawaban kepada masyarakat.

Semua aktiviti dan majlis ini merupakan kawajipan mahupun untuk memperkukuhkan lagi perniagaan dan hubungan dengan anggota, warga kerja dan pihak-pihak lain yang berkepentingan dengan Sekatarakyat secara langsung mahupun tidak langsung.

Antara aktiviti dan majlis sepanjang tahun 2019 yang dijalankan oleh Sekatarakyat adalah seperti butiran yang berikut :-

1. Sesi Percambahan Minda  
*\*\* Hanya melibatkan barisan Lembaga Pengarah & Pengurusan*
2. Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-23
3. Majlis Perjumpaan Anggota Bersara
4. Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri
5. Acara Mencari Harta Karun (Treasure Hunt) Antara Koperasi
6. Hari Keluarga (Program Untuk Warga Kerja)
7. Majlis Penyerahan Bantuan Berbentuk Projek Kepada Golongan Asnaf Fisabilillah Untuk Menjadi Seorang Usahawan Roti
8. Acara Team Building Warga Kerja
9. Majlis Makan Malam

Aktiviti dan majlis yang telah diadakan ini telah memberi impak yang berkesan khususnya kepada barisan Lembaga Pengarah, Pengurusan, warga kerja dan para anggota secara amnya. Hampir keseluruhan aktiviti dan majlis sepanjang tahun 2019 ini dirancang, diatur dan dilaksanakan sendiri oleh warga kerja Sekatarakyat dengan hanya penglibatan yang amat minimum oleh pihak luar. Alhamdulillah, semua aktiviti dan majlis yang dirancang berjalan dengan baik dan lancar di samping mencapai matlamat yang ditetapkan.

Berbekalkan pengalaman dan kemahiran yang tinggi daripada semua pihak, barisan Lembaga Pengarah dan Pengurusan telah merancang pelbagai aktiviti dan majlis lebih menarik untuk diadakan pada tahun 2020. Sekatarakyat berharap pelbagai pihak, terutamanya anggota-anggota dapat memberikan sokongan bagi menjayakan aktiviti yang dirangka demi faedah bersama.

# SESI PERCAMBAHAN MINDA



# MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN SEKATARAKYAT KE-23

Dirasmikan oleh Y. Bhg. Datuk Noripah Kamso, Pengerusi Bank Rakyat.





# PERJUMPAAN ANGGOTA BERSARA SEKATARAKYAT

Dirasmikan oleh Y. Bhg Datuk Mohamed Arsad Sehan, Pengerusi Sekatarakyat



# JAMUAN HARI RAYA SEKATARAKYAT



# ACARA MENCARI HARTA KARUN (TREASURE HUNT) ANTARA KOPERASI

Dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato' Rosman Mohamed, Pemangku Pengarah Urusan Bank Rakyat



## MAJLIS BACAAN YASSIN & TAHLIL BULANAN



# MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN BERBENTUK PROJEK KEPADA GOLONGAN ASNAF FISABILILLAH UNTUK MENJADI SEORANG USAHAWAN ROTI

Diadakan di Hotel Mirage, Port Dickson, Negeri Sembilan.



# PROGRAM UNTUK WARGA KERJA HARI KELUARGA SEKATARAKYAT



# ACARA TEAM BUILDING WARGA KERJA



# MAJLIS MAKAN MALAM SEKATARAKYAT

Dirasmikan oleh Y.Bhg. Datuk Mohamed Arsad Sehan, Pengerusi Sekatarakyat



# LAPORAN LEMBAGA PENGARAH BAGI TAHUN 2019

Kepada:

Semua Anggota Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad (**Sekatarakyat**)

*Assalamu'alaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.*

Untuk tahun 2019, Sekatarakyat memfokuskan kepada peningkatan pendapatan daripada perniagaan-perniagaan sedia ada dan cabang-cabang perniagaan baru. Hal ini adalah untuk menjamin kestabilan dan kemajuan Sekatarakyat untuk kekal berdaya saing dalam sektor koperasi. Sekatarakyat juga memberi tumpuan terhadap penjana pendapatan agar dapat menyediakan perkhidmatan yang terbaik di samping memberikan pulangan keuntungan dalam bentuk dividen dan kemudahan-kemudahan lain kepada anggota Sekatarakyat.

## SELAYANG PANDANG

Pada 23 September 1974, Syarikat Kerjasama Kakitangan Bank Rakyat Berhad atau lebih dikenali sebagai Sekatarakyat telah ditubuhkan dan mula beroperasi. Bangunan Bank Rakyat Jalan Tangsi merupakan lokasi pertama operasi Sekatarakyat dijalankan dengan hanya tiga(3) orang kakitangan sahaja ketika itu. Kini operasi Sekatarakyat dijalankan di Menara Berkembar Bank Rakyat Jalan Rakyat Kuala Lumpur.

Antara aktiviti perniagaan yang terawal dijalankan di Sekatarakyat adalah aktiviti perniagaan kredit iaitu menawarkan pembiayaan khusus buat anggota Sekatarakyat. Sekatarakyat terus mengembangkan lagi cabang perniagaan dengan menjadi ejen insuran kepada syarikat-syarikat takaful dan mengendalikan takaful kepada peminjam-peminjam Bank Rakyat pada awal tahun 90an sehingga ke tahun 2000. Pada waktu itu juga, pinjaman secara konvensional telah ditukarkan kepada pembiayaan yang berbentuk syariah serta mula menggunakan sistem komputer bersepadu bagi menjalankan tugas-tugas seharian.

Bagi terus menjamin kelangsungan dan kestabilan perniagaan, Sekatarakyat menambahkan lagi pendapatan dengan mengorak langkah menceburi bidang-bidang perniagaan seperti menawarkan khidmat pembersihan di cawangan-cawangan Bank Rakyat, pembelian aset seperti bangunan untuk disewakan, menguruskan operasi harian Kafeteria yang bertempat di Bangunan Bank Rakyat Jalan Tangsi dan Medan Selera Menara Kembar Bank Rakyat Jalan Rakyat serta menyertai perniagaan Ar-Rahnu di bawah franchais Ar-Rahnu Xchange. Sehingga akhir tahun 2019, Sekatarakyat telah mempunyai lapan(8) buah kedai Ar-Rahnu Xchange di PJOT, Sungai Besi, Taman Selaseh, Hulu Langat, Bandar Kinrara, Seremban II, Kota Kemuning dan Dengkil.

Demi mencapai kejayaan dan kemajuan yang berterusan, Sekatarakyat mengambil peluang yang ada dengan menceburi bidang perniagaan Taska (Taman Asuhan Kanak-kanak) pada 4 Januari 2016 dengan mendapat sokongan pihak Bank Rakyat sepenuhnya. Sehingga 31 Disember 2019, seramai 102 orang kanak-kanak diasuh di Taska Qaseh Nuri. Sekatarakyat juga melebarkan sayap perniagaan melalui inisiatif bekerjasama dengan

pihak Mainstay Development Sdn Bhd sebuah syarikat hartanah terkemuka dengan membina 19 buah banglo (Sekata Vista) dan 107 unit rumah teres dua tingkat dan 47 unit apartment mampu milik (Sekata Villa), keduanya di Mukim Dengkil, Selangor. Sekatarakyat juga menjalankan perniagaan sewaan Apartment yang dikenali sebagai Sekata Apartment bertempat di Ringleet Cameron Highlands dan mula beroperasi pada 16 Ogos 2017.

Sebagai langkah untuk terus mengecap kemajuan, penambahbaikan berterusan tetap dilaksanakan bagi memantapkan operasi perniagaan harian. Sekatarakyat juga sedang berusaha untuk menceburi bidang perniagaan baru bagi mencapai objektif dan wawasannya untuk terus maju, relevan dan menambahkan hasil pendapatan. Ini secara tidak langsung dapat meraih pendapatan yang maksima dan mengekalkan kelestarian Sekatarakyat.

## PRESTASI KEWANGAN SEKATARAKYAT

Prestasi kewangan bagi tahun 2019 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan dari segi pengeluaran pembiayaan kepada anggota memberi impak yang cukup besar dalam perolehan pendapatan di mana jumlah pembiayaan yang dikeluarkan meningkat dari RM 202 juta bagi tahun 2018 kepada RM 227 juta bagi tahun 2019. Manakala perolehan pendapatan dari aktiviti pembiayaan mencatatkan peningkatan daripada RM 30.1 juta bagi tahun 2018 kepada RM 32.3 juta pada tahun 2019.

Keuntungan bersih sebelum cukai yang dicatatkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM 19.6 juta, di mana meningkat sebanyak 10% berbanding RM 17.9 juta yang diperolehi bagi tahun 2018.

Berdasarkan laporan kewangan berakhir 2019, kos perbelanjaan am meningkat sebanyak 14% iaitu RM 13.3 juta bagi tahun 2018 kepada RM 15.2 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

Kos operasi merekodkan sedikit peningkatan sebanyak 9% daripada RM 24.6 juta bagi tahun 2018 kepada RM 26.9 juta bagi tahun 2019.

Jadual di bawah menunjukkan ringkasan pencapaian Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berbanding tahun 2018 seperti yang berikut :

Perkara	Pencapaian 2019 RM juta	Pencapaian 2018 RM juta	Meningkat/ (Menurun) RM juta	Meningkat/ (Menurun) %
Pendapatan	61.7	55.8	5.9	11
Perbelanjaan	15.2	13.3	1.9	14
Kos Operasi	26.9	24.7	2.2	9
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai	19.6	17.9	1.7	10

## PRESTASI DIVIDEN SEKATARAKYAT

Tahun 2019 menyaksikan agihan keuntungan kepada anggota dalam bentuk bayaran dividen meningkat sebanyak 0.5% berbanding tahun sebelumnya iaitu pada kadar 14.0% yang berjumlah RM 15.0 juta berbanding 13.5% bagi tahun sebelumnya. Agihan bayaran dividen dibuat berdasarkan prestasi keuntungan semasa Koperasi selepas pembahagian berkanun yang berjumlah RM 15.5 juta bagi tahun kewangan 2019 berbanding RM 14.1 juta bagi tahun 2018 seperti jadual yang berikut :

Tahun	Keuntungan selepas Pembahagian Berkanun RM Juta	Kadar Dividen %	Jumlah RM Juta
2019	15.5	14.0	15.0
2018	14.1	13.5	13.3

## KEANGGOTAAN

Jumlah bilangan anggota bertambah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 iaitu seramai 5,367 orang berbanding 5,211 orang anggota pada tahun 2018. Modal yuran dan syer koperasi juga meningkat sebanyak 8.7% dari RM 102.6 juta bagi tahun 2018 kepada RM 103.9 juta tahun 2019.

Perkara	2019 RM juta	2018 RM juta	Meningkat/ (Menurun) RM juta	Meningkat/ (Menurun) %
<b>Modal Yuran</b>	112.7	102.6	10.1	8.7
<b>Modal Syer</b>	1.2	1.3	(0.1)	8.3
<b>Jumlah</b>	113.9	103.9	10.0	8.7

## ASET

Jumlah aset keseluruhan koperasi merekodkan kenaikan sebanyak 16% iaitu daripada RM 505.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 kepada RM 588.5 juta bagi tahun 2019 yang meliputi Aset Semasa dan Aset Bukan Semasa termasuk Hartanah, Loji dan Peralatan.

Sehingga tahun 2019, aset milik Sekatarakyat meliputi :

- Wisma Sekatarakyat di Kelana Jaya
- Bangunan pejabat di Melawati Square
- Rumah Kedai di Jitra, Kedah
- Lot banglo Sekata Vista di Dengkil, Selangor
- Rumah Kedai Space U8 di Bukit Jelutong, Shah Alam
- Bangunan pejabat di Jalan Kg. Attap, Kuala Lumpur
- Sekata Apartment @ The Camelia Orchid Deluxe Park, Cameron Highlands

## TADBIR URUS SEKATARAKYAT

Tadbir urus korporat ditakrifkan sebagai proses dan struktur yang digunakan untuk mengarah dan menguruskan perniagaan dan hal ehwal sesebuah syarikat bagi meningkatkan keuntungan perniagaan dan kebertanggungjawaban korporat dengan tujuan utama untuk mencapai nilai jangka panjang pemegang saham tanpa mengeneipkan kepentingan pihak berkepentingan lain – *Takrifan Tadbir Ursus dalam Laporan Jawatankuasa Peringkat Tinggi Kewangan (1999)*.

Dalam konteks Sekatarakyat, tadbir urus korporat memperuntukkan satu rangka kerja mekanisma kawalan yang menyokong matlamat penubuhannya dan mencegah konflik yang tidak diingini. Tingkah laku beretika, kebertanggungjawaban, ketelusan dan kemampanan merupakan unsur-unsur tadbir urus korporat yang penting dalam pentadbiran dan pengurusan Sekatarakyat. Sekatarakyat mengamalkan prinsip-prinsip ini untuk menghasilkan nilai jangka panjang khususnya kepada anggota-anggotanya. Kepentingan tadbir urus bagi Sekatarakyat amatlah penting untuk merealisasikan sasaran yang ditetapkan.

Bagi mencapai sasaran tersebut, pelbagai usaha telah digerakkan seperti :-

1. Penyediaan Laporan Prestasi Bulanan
2. Mesyuarat Portfolio Ahli Lembaga Pengarah
3. Mesyuarat Bulanan Lembaga Pengarah  
*\*\* termasuk pembentangan Belanjawan Tahunan / Exit Meeting bersama Juruaudit Luar / pembentangan laporan Juruaudit Dalaman*
4. Latihan / Kursus / Seminar / Program bagi Lembaga Pengarah & warga kerja
5. Pembangunan Polisi Integriti Sekatarakyat untuk kegunaan pihak-pihak seperti :-
  - a) Anggota-Anggota
  - b) Ahli Lembaga Pengarah
  - c) Jawatankuasa Audit Dalaman
  - d) Jawatankuasa Syariah
  - e) Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga Pengarah
  - f) Warga Kerja
  - g) Pihak-Pihak Berkepentingan secara langsung atau tidak langsung dengan Sekatarakyat

## AKTIVITI PERNIAGAAN SEKATARAKYAT

Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Sekatarakyat pada tahun 2019 adalah sebanyak RM 61.7 juta berbanding RM 55.8 juta pada tahun sebelumnya. Berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang menjadi penyumbang pendapatan kepada koperasi:

### 1. Pembiayaan kepada Anggota

Aktiviti pembiayaan kepada anggota masih kekal sebagai tunjang nadi kepada perniagaan Sekatarakyat. Peningkatan dari segi pengeluaran pembiayaan kepada anggota memberi impak yang cukup besar dalam perolehan pendapatan di mana jumlah pembiayaan yang dikeluarkan meningkat dari RM 202 juta bagi tahun 2018 kepada RM 227 juta bagi tahun 2019 menjadikan jumlah pendapatan sebanyak **RM 32.3 juta** bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 berbanding **RM 30.9 juta** tahun sebelumnya.

### 2. Perniagaan Ar-Rahnu

Perniagaan Ar-Rahnu merupakan antara inisiatif Sekatarakyat untuk menambahkan pendapatan koperasi. Aktiviti ini merupakan penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan koperasi dengan jumlah perolehan sebanyak RM 10.7 juta bagi tahun 2019 berbanding RM 9.3 juta pada tahun sebelumnya.

Sehingga tahun kini, Sekatarakyat mempunyai 8 cawangan Ar-Rahnu yang bertempat di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan. Konsep perniagaannya yang berlandaskan syariah telah menarik ramai para penggadai untuk menggadai barangan emas mereka dengan kadar upah simpanan yang amat berpatutan berbanding pajak gadai konvensional.

### 3. Pengurusan dan Penyewaan Bangunan

i. Pendapatan dari penyewaan bangunan bagi tahun 2019 merangkumi :

#### a) Wisma Sekatarakyat

Wisma Sekatarakyat yang dibeli pada tahun 2009 dengan harga kos berjumlah RM 22.6 juta mempunyai 9 tingkat beserta 321 petak tempat letak kenderaan. Bagi tahun 2019, nilai semasa bangunan meningkat kepada RM 25.8 juta.

#### b) Bangunan Pejabat di Melawati Square

Pembelian bangunan 4 tingkat di Melawati pada tahun 2009 yang menelan kos sebanyak RM2.9 juta dan nilai bagi tahun 2019 telah meningkat dua kali ganda menjadikan nilai semasa berjumlah RM 5.8 juta.

#### c) Bangunan Space U8 di Seksyen U8, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor

Bangunan Space U8 terletak di Bukit Jelutong dengan kos pembelian RM 11.25 juta bagi 14 unit kedai. Nilai semasa bagi tahun 2019 iaitu RM 11.99 juta

#### d) Rumah Kedai di Jitra, Kedah

Rumah kedai 2 tingkat ini telah dibeli pada tahun 1992 dengan harga sebanyak RM 373 ribu, dan nilai semasa bangunan meningkat kepada RM 750 ribu.

